

Pelaksanaan Sistem Pendidikan dan Latihan Teknik dan Vokasional (TVET) di Malaysia: Naratif dari Pelbagai Agensi

Affizie Abu Kasim¹, Mohd Hazwan Mohd Puad² & Arnida Abdullah³

^{1,2,3} Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia, Serdang, Malaysia

Corresponding author: gs64874@student.upm.edu.my

Received : 20 April 2025

Accepted : 30 July 2025

Published : 29 August 2025

ABSTRAK

Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) memainkan peranan kritikal dalam membangunkan modal insan berkemahiran tinggi bagi menyokong pertumbuhan ekonomi dan pembangunan lestari di Malaysia. Pelaksanaan TVET yang berbeza antara sistem Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) dan Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) telah memberi pelbagai persepsi kepada pengamal TVET dalam negara. Oleh itu, kajian ini menganalisis perbezaan dan persamaan sistem pelaksanaan TVET oleh dua agensi utama, iaitu MQA dan JPK. Melalui kaedah tinjauan dokumen, data dikumpulkan daripada sumber rasmi seperti akta, kerangka kelayakan, dan dasar berkaitan TVET. Hasil kajian menunjukkan bahawa MQA dan JPK mempunyai perbezaan dari segi objektif, standard kualiti, dan pendekatan kurikulum. Walaupun berbeza, kedua-dua agensi berkongsi persamaan penting melalui Kod Amalan Pentaauliahan Program TVET (COPTPA), yang mengharmonikan sistem penarafan tunggal TVET. Antaranya termasuk penekanan kepada penglibatan industri dalam pembangunan kurikulum dan penilaian praktikal, serta pelaksanaan penilaian berasaskan kompetensi (CBA) bagi memastikan graduan menguasai pengetahuan, kemahiran, dan sikap yang diperlukan pasaran kerja. Dapatan menunjukkan kerjasama strategik antara MQA dan JPK melalui COPTPA mampu mewujudkan sistem TVET yang lebih bersepadu, relevan, dan efektif. Integrasi ini penting untuk menghasilkan tenaga kerja yang dinamik, berdaya saing, dan responsif terhadap cabaran global, sekaligus menyumbang kepada transformasi sosioekonomi negara.

Kata Kunci: JPK, MQA, sistem, TVET

ABSTRACT

Technical and Vocational Education and Training (TVET) plays a critical role in developing a highly skilled workforce to support economic growth and sustainable development in Malaysia. The differing implementation approaches between the Malaysian Qualifications Agency (MQA) and the Department of Skills Development (DSD/JPK) have given rise to various perceptions among TVET practitioners in the country. Therefore, this study analyzes the differences and similarities in the implementation of TVET systems by these two key agencies, namely MQA and DSD. Using a document review method, data were collected from official sources such as acts, qualification frameworks, and policies related to TVET. The findings reveal that MQA and DSD differ in terms of objectives, quality standards, and curriculum approaches. Despite these differences, both agencies share significant similarities through the Code of Practice for TVET Programme Accreditation (COPTPA), which harmonizes the single TVET rating system. These include an emphasis on industry involvement in curriculum development and practical assessment, as well as the implementation of competency-based assessment (CBA) to ensure graduates acquire the knowledge, skills, and attitudes required by the labor market. The results indicate that strategic collaboration between MQA and DSD through COPTPA can foster a more integrated, relevant, and effective TVET system. Such integration is vital in producing a dynamic, competitive, and globally responsive workforce, thereby contributing to the country's socioeconomic transformation.

Keywords: DSD, MQA, system, TVET

PENGENALAN

Dalam membangunkan ekonomi sesebuah negara, modal insan memainkan peranan yang sangat penting bagi tujuan tersebut. Untuk membangunkan modal insan dalam persekitaran pekerjaan, pendidikan menjadi satu faktor yang tidak boleh diabaikan. Salah satu cabang pendidikan dalam membangunkan modal insan yang kompeten terhadap pekerjaan ialah cabang Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET). TVET juga menjadi peneraju sebagai respons terhadap isu pembangunan lestari dalam cabaran-cabaran global (Mutebi & Kiplagat, 2022). Bidang ini juga berfungsi sebagai respons kepada isu kemiskinan dan ketidaksamaan, agenda kemahiran hijau dan pemanasan global, serta mempromosi teknologi untuk penyelesaian cabaran masa kini.

TVET merupakan satu komponen penting dalam pendidikan dalam menyediakan seseorang dengan kemahiran praktikal dan pengetahuan yang berkaitan sesuatu profession atau pekerjaan (Jamaludin et al., 2023). Organisasi Pekerjaan Antarabangsa (ILO) mendefinisikan TVET sebagai pendidikan dan latihan awal serta berterusan, yang disediakan oleh sekolah, penyedia latihan, atau industri dalam memberikan kemahiran, pengetahuan, dan sikap yang diperlukan untuk pekerjaan dalam suatu bidang pekerjaan tertentu, atau kumpulan pekerjaan yang berkaitan, dalam sebarang bidang aktiviti ekonomi (International Labour Organization, 2022). Bahkan ILO juga telah kehadapan dalam memastikan TVET kekal relevan terhadap perubahan pasaran kerja yang mencabar dan dinamik dengan membangunkan garis panduan untuk TVET yang lebih lestari.

Program TVET direka bentuk untuk menyediakan individu dengan kemahiran dan pengetahuan praktikal yang selaras dengan keperluan industri, menjadikan mereka boleh diambil bekerja dan boleh disesuaikan dalam pasaran pekerjaan yang berubah dengan pantas. Melalui pendekatan berasaskan kompetensi, program TVET menekankan penguasaan kemahiran praktikal boleh diaplikasikan secara langsung dalam dunia pekerjaan (Kipngetich et al., 2025). Ini bukan sahaja memastikan graduan TVET mampu memenuhi permintaan pasaran kerja, malah menjadikan mereka lebih berdaya saing dan mudah diserap oleh industri. Tambahan pula, TVET sering bekerjasama rapat dengan pihak industri untuk memastikan kurikulum yang diajar sentiasa relevan dan mengikut perkembangan terkini. Kerjasama strategik ini membolehkan pelajar mendapat pendedahan langsung kepada persekitaran kerja sebenar melalui latihan industri dan pembangunan projek pelajar berkaitan industri (Vijay et al., 2024). Hasilnya, graduan TVET bukan sahaja bersedia untuk bekerja, tetapi juga mampu menyumbang secara produktif kepada pertumbuhan ekonomi dan pembangunan sosial.

Setiap negara mempunyai pendekatan dan sistem tersendiri dalam melaksanakan TVET yang disesuaikan dengan keperluan sosioekonomi, budaya, dan struktur pasaran kerja masing-masing (Woyessa & Arko-Achemfuor, 2021). Sebagai contoh, di Jerman, sistem TVET dikenali sebagai "Dual Vocational Training System" yang menggabungkan pembelajaran di sekolah vokasional dengan latihan praktikal di syarikat-syarikat. Model ini telah berjaya melahirkan tenaga kerja yang sangat mahir dan disegani di peringkat global (Euler, 2013; Oeben & Klumpp, 2021). Sementara itu, di negara Finland, TVET lebih berfokus kepada pembelajaran berpusat kepada pelajar, dalam membentuk identity identiti kompetensi pelajar (Raudasoja et al., 2024). Di Singapura, misalnya, kerajaan telah melancarkan inisiatif "Skills Future" yang menyediakan peluang pembelajaran sepanjang hayat untuk rakyatnya mengikuti program TVET (Lim et al., 2024).

Di Malaysia, banyak kementerian menjadikan TVET sebagai asas kepada pembangunan latihan berkaitan dengan teras sesebuah kementerian itu (Aziz & Subramaniam, 2023). Sebagai contoh, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan membangunkan TVET dengan fokus kepada aktiviti berkaitan pertanian dan sumber makanan, Kementerian Belia dan Sukan (KBS) memberi fokus TVET kepada pembangunan belia sebagai modal insan untuk masa hadapan negara dan Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah yang memberi fokus TVET kepada pembangunan masyarakat di desa dan kawasan luas bandar.

Walaupun pelbagai kementerian melaksanakan latihan TVET di pusat latihan masing-masing, namun terdapat hanya dua badan yang berautoriti di Malaysia memberi akreditasi kepada pusat-pusat latihan TVET yang dijalankan di Malaysia. Kedua-dua agensi ini memainkan peranan yang penting

dalam mengawal selia terhadap pembangunan dan latihan kemahiran mengikut undang-undang yang telah ditetapkan. Kedua-dua agensi ini diberi kuasa melalui undang-undang Malaysia di bawah Akta 652 (Akta Pembangunan Kemahiran Kebangsaan) dan Akta 679 (Akta Agensi Kelayakan Malaysia). Akta 652 memberi kuasa kepada Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK), Kementerian Sumber Manusia mengawal selia aktiviti berkaitan latihan kemahiran untuk pembangunan kerjaya dan aktiviti yang berkaitan. Manakala, Akta 679 memberi kuasa kepada Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) mengakreditasi institusi pendidikan tinggi dalam melaksanakan Kerangka Kelayakan Malaysia (MQF) dan aktiviti yang berkaitan.

Jadual 1. Kerangka Kelayakan Malaysia (2024)

Tahap MQF	Kredit Graduasi Minimum	Sektor Akademik	Sektor TVET
8	Tiada penarafan kredit	Doktor Falsafah melalui penyelidikan	tiada
	80	Ijazah Kedoktoran melalui kerja kursus dan mod campuran	tiada
7	Tiada penarafan kredit	Ijazah Sarjana melalui penyelidikan	tiada
	40	Ijazah Sarjana melalui kerja kursus dan mod campuran	tiada
	30	Diploma Pascasiswazah	tiada
	20	Persijilan Pascasiswazah	tiada
6	120	Ijazah Sarjana Muda	Ijazah Sarjana Muda
	64	Diploma Siswazah	Diploma Siswazah
	34	Persijilan Siswazah	Persijilan Siswazah
5	40	Diploma Lanjutan	Diploma Lanjutan
4	90	Diploma	Diploma
3	60	Sijil	Sijil
2	30	Sijil	Sijil
1	15	Sijil	Sijil

Nota. Sumber: Agensi Kelayakan Malaysia (2024)

Kerangka ini menerangkan tahap kelayakan dan pengiktirafan pengajian tinggi di Malaysia bermula dari tahap 1 (peringkat sijil) sehingga tahap 8 (Doktor falsafah) dan dibahagi kepada dua sektor pendidikan yang berbeza iaitu sektor akademik dan sektor TVET. Sistem yang dijalankan oleh JPK menawarkan lima tahap persijilan iaitu tahap 1 untuk Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) sehingga tahap 5 (Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia – DLKM). Persijilan ini boleh diperolehi melalui 3 kaedah iaitu kaedah Sistem Latihan Pusat Bertauliah (SLaPB), kaedah Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN) dan juga melalui Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu (PPT) (Jabatan Pembangunan Kemahiran, 2025). Oleh yang demikian, sistem-sistem yang dibangunkan adalah bertujuan untuk meningkatkan kualiti dan standard pendidikan serta latihan kemahiran di Malaysia, khususnya dalam TVET (Jabatan Pembangunan Kemahiran, 2025).

Walaupun berbeza, MQA dan JPK secara bersama telah membangunkan Kod Amalan Pentauliah Program TVET (COPTPA) pada tahun 2020 bertujuan mengharmonikan proses dan mekanisme jaminan kualiti bagi program TVET yang ditawarkan di Malaysia. Kod amalan ini adalah selaras dengan perubahan semasa dan penambahbaikan terhadap TVET di negara ini. Ini menjadikan kod amalan ini sebagai sistem penarafan tunggal program TVET di Malaysia. Artikel ini akan membincangkan secara mendalam perbezaan pelaksanaan TVET antara sistem MQA dan JPK serta persamaan antara keduanya melalui COPTPA.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan kaedah tinjauan dokumen untuk menganalisis persamaan dan perbezaan dalam sistem TVET di Malaysia. Data dikumpulkan daripada pelbagai sumber dokumen rasmi, termasuk laporan tahunan kementerian, akta-akta berkaitan, Kerangka Kelayakan Malaysia (MQF), dan laman web rasmi kementerian serta agensi-agensi yang terlibat. Selain itu, kajian ini juga merujuk kepada dokumen-dokumen polisi, garis panduan, dan strategi-strategi pembangunan TVET yang telah digubal.

Dengan menggunakan kaedah tinjauan dokumen, kajian ini dapat memberikan gambaran yang komprehensif tentang perkembangan TVET di Malaysia, memastikan sistem ini terus relevan dan berdaya saing dalam era globalisasi.

HASIL DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Perbezaan Sistem Pelaksanaan TVET di Malaysia

Beberapa aspek perbezaan antara MQA dan JPK dalam pelaksanaan TVET di Malaysia. Jadual 2 menunjukkan beberapa aspek umum dan kemudian akan dibincangkan secara terperinci.

Jadual 2. Perbezaan antara MQA dan JPK dalam TVET

Perbezaan	Agensi Kelayakan Malaysia (MQA)	Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK)
1. Objektif dan fokus	Mengakreditasi program pendidikan tinggi	Mentauliah program latihan kemahiran
2. Standard kualiti	Kerangka Kelayakan Malaysia (MQF) Hasil pembelajaran (LO) berdasarkan 5 deskriptor utama	Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (NOSS)
3. Kurikulum TVET	Standard Program Merangkumi aspek LO, kandungan kursus dan kaedah penilaian	Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (NOSS)

Objektif dan Fokus Terhadap TVET

MQA dan JPK mempunyai perbezaan yang ketara dari segi objektif dan fokus dalam melaksanakan TVET. MQA mempunyai skop yang lebih luas, merangkumi bukan sahaja latihan kemahiran tetapi juga pendidikan tinggi, termasuk program akademik dan profesional. MQA bertanggungjawab untuk mengakreditasi program-program yang ditawarkan oleh institusi pendidikan tinggi seperti universiti, politeknik, dan kolej komuniti, yang meliputi pelbagai peringkat kelayakan seperti sijil, diploma, dan ijazah. Proses akreditasi oleh MQA memastikan bahawa program-program ini memenuhi standard kualiti yang ditetapkan dalam MQF. Justeru, MQA menekankan pengiktirafan kelayakan pendidikan tinggi yang selaras dengan keperluan industri dan pasaran kerja, sambil memastikan bahawa program-program tersebut menyumbang kepada pembangunan modal insan yang berpengetahuan dan berkemahiran tinggi.

Sebaliknya, JPK mempunyai objektif yang lebih khusus, iaitu memfokuskan kepada pembangunan kemahiran pekerjaan. JPK bertanggungjawab untuk mentauliah program-program latihan kemahiran yang berorientasikan pekerjaan, seperti Sijil Kemahiran Malaysia (SKM), Diploma Kemahiran Malaysia (DKM), dan Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia (DLKM). Pengiktirafan kelayakan kemahiran oleh JPK diberikan melalui penganugerahan sijil seperti SKM, DKM, atau DLKM, yang membuktikan bahawa pemegang sijil tersebut telah mencapai standard kemahiran yang ditetapkan oleh industri.

Perbezaan terminologi juga wujud antara kedua-dua agensi ini. MQA menggunakan istilah akreditasi untuk merujuk kepada proses pengiktirafan program-program pendidikan tinggi, manakala JPK menggunakan istilah tauliah untuk merujuk kepada pengiktirafan program latihan kemahiran. Walaupun istilah yang digunakan berbeza, kedua-duanya mempunyai maksud yang sama, iaitu pengiktirafan bahawa kelayakan atau kemahiran yang diperoleh telah mencapai standard kualiti yang ditetapkan.

Standard Pengukuran Kualiti Kemahiran

Standard yang digunakan untuk mengukur kualiti kemahiran adalah berbeza antara MQA dan JPK. MQA mengguna pakai MQF sebagai standard utama bukan sahaja untuk program akademik tetapi juga

untuk program TVET. MQF dibangunkan sebagai satu mekanisme yang menyelaraskan kelayakan pendidikan di peringkat kebangsaan dan setara dengan sistem pengiktirafan pendidikan di peringkat antarabangsa. MQF menyediakan deskriptor Hasil Pembelajaran (LO) yang merangkumi lima kluster utama, iaitu pengetahuan, kemahiran kognitif, kemahiran fungsi kerja, kemahiran peribadi dan keusahawanan, serta etika dan profesionalisme. Ini membolehkan program-program berasaskan latihan kemahiran yang diakreditasi oleh MQA memenuhi standard yang sama seperti program akademik, sekaligus memastikan kelayakan yang dikeluarkan diiktiraf di peringkat global.

Manakala, JPK menggunakan Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (NOSS) sebagai asas untuk program latihan kemahiran. NOSS dibangunkan oleh pakar-pakar industri dalam negara untuk memastikan pengiktirafan kemahiran yang diperoleh oleh individu selaras dengan keperluan industri. NOSS merangkumi tiga komponen utama, iaitu pengetahuan, kemahiran, dan sikap yang diperlukan untuk melaksanakan tugas-tugas tertentu dalam sesuatu bidang pekerjaan. Standard ini direka bentuk untuk memastikan bahawa individu yang memiliki sijil seperti SKM, DKM, DLKM benar-benar kompeten dalam bidang masing-masing. Ini menjadikan standard yang diguna pakai oleh JPK relevan dengan keperluan semasa industri dan pasaran kerja semasa di Malaysia.

Perbezaan dalam standard yang digunakan oleh kedua-dua agensi ini mencerminkan perbezaan objektif dan fokus mereka. MQA lebih menekankan penyelarasan kelayakan pendidikan tinggi dengan standard antarabangsa melalui MQF, manakala JPK memfokuskan kepada pengiktirafan kemahiran pekerjaan yang selaras dengan keperluan industri tempatan melalui NOSS. Walaupun berbeza, kedua-dua standard ini saling melengkapi dalam memastikan bahawa program TVET di Malaysia menghasilkan graduan yang berkemahiran tinggi dan mampu memenuhi keperluan pasaran kerja yang dinamik.

Kurikulum Pendidikan TVET

Kurikulum pendidikan bagi program-program yang diakreditasi oleh MQA perlu melalui proses penilaian yang ketat, merangkumi aspek-aspek seperti hasil pembelajaran (LO), kandungan kursus, dan kaedah penilaian. Institusi yang diakreditasi oleh MQA mesti mematuhi Standard Program (PS) yang telah ditetapkan oleh MQA. PS ini dibangunkan oleh MQA melibatkan panel penasihat yang terdiri daripada pakar akademik dan industri untuk memastikan kurikulum tersebut memenuhi keperluan pendidikan tinggi dan industri. Penekanan khusus diberikan kepada integrasi antara teori dan praktikal dalam aktiviti pembelajaran dan pengajaran (PdP). Penilaian yang dilaksanakan juga merangkumi kedua-dua aspek ini, iaitu pengetahuan teori dan kemahiran praktikal, untuk memastikan pelajar mencapai LO yang ditetapkan. Ini selaras dengan MQF yang menekankan keseimbangan antara pengetahuan, kemahiran, dan sikap dalam pendidikan tinggi.

Sebaliknya, pembangunan kurikulum di bawah JPK adalah berasaskan Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (NOSS), yang dibangunkan melalui kerjasama rapat dengan industri. Proses pembangunan kurikulum di bawah JPK melibatkan pengenaltian keperluan kemahiran industri, pembangunan unit kompetensi, dan penilaian berdasarkan kriteria prestasi yang ditetapkan oleh NOSS. Kurikulum ini lebih menekankan latihan kemahiran praktikal berbanding pembelajaran teori, dengan nisbah 70:30. Ini bermakna 70% daripada masa pembelajaran ditumpukan kepada latihan praktikal, manakala 30% lagi melibatkan pembelajaran teori dan pengetahuan. Penilaian program di bawah JPK pula berfokuskan kepada kemampuan pelajar melaksanakan tugas-tugas tertentu dalam persekitaran kerja sebenar, yang dinilai berdasarkan kriteria prestasi yang ditetapkan oleh industri. Pendekatan ini memastikan bahawa pelajar benar-benar bersedia untuk memasuki pasaran kerja dengan kemahiran yang relevan dan praktikal.

Perbezaan dalam pendekatan pembangunan kurikulum antara MQA dan JPK adalah berbeza apabila MQA menekankan keseimbangan antara teori dan praktikal dalam pendidikan tinggi, manakala JPK lebih memfokuskan kepada latihan kemahiran praktikal yang selaras dengan keperluan industri. Walaupun berbeza, kedua-dua pendekatan ini saling melengkapi dalam memastikan bahawa program TVET di Malaysia menghasilkan graduan yang bukan sahaja berpengetahuan tetapi juga berkemahiran tinggi dan mampu memenuhi keperluan pasaran kerja.

Persamaan Pelaksanaan TVET dalam Sistem Penarafan Tunggal

Seiring dengan perkembangan TVET di Malaysia, satu sistem penarafan tunggal TVET iaitu Kod Amalan Pentauliah Program TVET (COPTPA) dibangunkan bagi memastikan TVET di Malaysia diselaraskan dengan lebih sempurna. Terdapat dua aspek persamaan pelaksanaan TVET oleh MQA dan JPK dibincangkan dalam artikel ini.

Penglibatan industri dalam sistem pendidikan TVET di Malaysia

MQA dan JPK menitikberatkan penglibatan industri dalam pembangunan dan penilaian program TVET di Malaysia. Penglibatan industri ini adalah penting untuk memastikan program TVET selaras dengan keperluan semasa pasaran kerja. Antara aspek utama dalam penglibatan industri ialah penggunaan Occupational/Industry Standards sebagai asas dalam pembangunan kurikulum dan penilaian. Standard ini memastikan kandungan program TVET relevan dengan keperluan industri, sekaligus meningkatkan kebolehpasaran graduan. Selain itu, industri turut terlibat secara langsung dalam proses penilaian pelajar, terutamanya dalam komponen penilaian praktikal dan latihan industri. Penglibatan ini membolehkan pelajar memperoleh pengalaman secara langsung dalam persekitaran kerja sebenar, seterusnya meningkatkan kemahiran dan kompetensi mereka mengikut piawaian yang ditetapkan oleh industri. Perkara ini dapat menghasilkan tenaga kerja yang berkemahiran tinggi dan memenuhi keperluan dinamik pasaran kerja.

Penglibatan industri dalam sistem pendidikan TVET juga membolehkan institusi pendidikan dan pusat latihan kemahiran menyesuaikan kurikulum mereka dengan perkembangan terkini dalam industri. Ini termasuklah penggunaan teknologi baharu, amalan terbaik dalam industri, dan keperluan kemahiran yang berubah-ubah. Melalui kerjasama erat antara MQA, JPK, dan industri, sistem TVET di Malaysia dapat terus berkembang dan memenuhi keperluan dinamik ekonomi negara.

Penilaian berasaskan kompetensi

Penilaian Berasaskan Kompetensi (CBA) merupakan pendekatan yang digunakan oleh MQA dan JPK dalam menilai program TVET. Pendekatan ini bertujuan untuk memastikan pelajar mencapai hasil pembelajaran yang telah ditetapkan, selaras dengan keperluan industri dan standard yang digariskan dalam MQF. CBA menekankan penguasaan pelajar dalam tiga domain utama, iaitu pengetahuan (kognitif), kemahiran praktikal (psikomotor), dan sikap (afektif), yang semuanya diperlukan untuk memenuhi tuntutan pasaran kerja. Penilaian ini tidak hanya tertumpu pada peperiksaan bertulis, tetapi juga melibatkan penilaian praktikal seperti projek atau simulasi kerja sebenar. Melalui pendekatan ini, pelajar dinilai berdasarkan kemampuan mereka untuk melaksanakan tugas-tugas tertentu mengikut piawaian industri, yang menjamin bahawa mereka benar-benar bersedia untuk memasuki dunia pekerjaan. CBA juga merangkumi penilaian melalui latihan industri. Pelajar akan dinilai oleh penyelia industri berdasarkan standard yang ditetapkan. Ini bagi memastikan penilaian itu kekal relevan dengan keperluan sebenar industri.

Secara keseluruhan, CBA yang digunakan oleh MQA dan JPK merupakan satu pendekatan bagi memastikan program TVET di Malaysia mampu untuk menghasilkan graduan yang bukan sahaja berpengetahuan tetapi juga mempunyai kemahiran yang praktikal serta mempunyai sikap yang professional bagi memenuhi keperluan industri sekaligus menyumbang kepada pembangunan ekonomi negara.

KESIMPULAN

TVET di Malaysia memainkan peranan penting dalam menyediakan tenaga kerja mahir untuk memenuhi keperluan industri dan menyokong pembangunan ekonomi. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa perbezaan yang dibincangkan dalam artikel ini merangkumi objektif dan fokus, standard kualiti serta pembangunan kurikulum. Perbezaan ini mencerminkan isu utama penubuhan agensi yang terlibat, iaitu MQA sebagai agensi yang berautoriti dalam pendidikan tinggi dan selaras dengan standard antarabangsa dan JPK mempunyai autoriti dalam memastikan pelaksanaan latihan kemahiran selaras dengan keperluan industri tempatan.

Persamaan pelaksanaan yang dibincangkan dalam artikel ini seperti penekanan kepada kerjasama dengan industri serta penilaian program mestilah berdasarkan penilaian berasaskan kompetensi (CBA). Ini menunjukkan keperluan untuk memastikan graduan TVET Malaysia bukan sahaja mempunyai pengetahuan tetapi juga mempunyai kemahiran pekerjaan yang tinggi selaras dengan kehendak industri. Secara keseluruhan, kejayaan dan penambahbaikan TVET di Malaysia dapat diwujudkan dengan kerjasama yang baik antara MQA dan JPK. Kejayaan pelaksanaan sistem TVET yang bersepadu, efektif, dan relevan dengan keperluan pasaran kerja di Malaysia dapat direalisasikan apabila MQA dan JPK saling melengkapi peranan masing-masing.

RUJUKAN

- Akta Agensi Kelayakan Malaysia (Akta 679) (2007). <https://www.mqa.gov.my/new/document/akta/Akta%20MQA%20679%20Malay.pdf>
- Akta Pembangunan Kemahiran Kebangsaan (Akta 652) (2006). <https://www.dsd.gov.my/ms/perundangan/2323-akta-652-national-skills-development-act-2006>
- Aziz, F. A., & Subramaniam, N. (2023). TVET in Malaysia: Current Situation, Challenges and Recommendations (Analysing Penang, Malaysia and the Region). Penang Institute. <https://penanginstitute.org/wp-content/uploads/2023/01/TVET-in-Malaysia-Current-Situation-Challenges-and-Recommendations.pdf>
- Euler, D. (2013). *Germany's dual vocational training system: A model for other countries?* Bertelsmann Stiftung. <http://aei.pitt.edu/74021/>
- International Labour Organization. (2022). *Greening TVET and skills development: A practical guidance tool*. International Labour Organization. <https://www.ilo.org/publications/greening-tvet-and-skills-development-practical-guidance-tool>
- Jabatan Pembangunan Kemahiran. (2021). *Panduan pelaksanaan penilaian SLAPB COPTPA berasaskan kod amalan pentauliahan program TVET*. Jabatan Pembangunan Kemahiran. https://web.dsd.gov.my/images/perkhidmatan/coptpa/Panduan%20Pelaksanaan%20Penilaian%20SLAPB%20COPTPA_kemaskini%2020%20April%202021.pdf
- Jabatan Pembangunan Kemahiran. (2025). *Sijil Kemahiran Malaysia (SKM)*. Portal Rasmi Jabatan Pembangunan Kemahiran. <https://www.dsd.gov.my/ms/perkhidmatan/sijil-kemahiran-malaysia-skm>
- Jamaludin, R. B., Hamid, A. H. A., & Alias, B. S. (2023). Empowering technical and vocational education and training (TVET). *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 13(12), 3072-3080. <https://doi.org/10.6007/IJARBS/v13-i12/20159>
- Kipngetich, K. W., Kapkiai, M., & Sammy, C. (2025). Workplace experience on quality education in TVET institutions. *European Journal of Education Studies*, 12(1), 18-56. <https://doi.org/10.46827/ejes.v12i1.5389>
- Lim, Z. Y., Yap, J. H., Lai, J. W., Mokhtar, I. A., Yeo, D. J., & Cheong, K. H. (2024). Advancing lifelong learning in the digital age: A narrative review of Singapore's SkillsFuture programme. *Social Sciences*, 13, 73 <https://doi.org/10.3390/socsci13020073>
- Malaysian Qualification Agency. (2011). *Guideline to good practice: Curriculum design and delivery*. Malaysian Qualification Agency. [https://www2.mqa.gov.my/qad/v2/garispanduan/2019/GGP%20CDD/4.%20GGP%20-%20Curriculum%20Design%20and%20Delivery_BI%20-%20\[FB\].pdf](https://www2.mqa.gov.my/qad/v2/garispanduan/2019/GGP%20CDD/4.%20GGP%20-%20Curriculum%20Design%20and%20Delivery_BI%20-%20[FB].pdf)
- Malaysian Qualification Agency. (2020). *Code of practice for TVET program accreditation: 2nd edition*. Malaysian Qualification Agency [https://www.mqa.gov.my/new/document/2024/new/MQF%20\(2024\).pdf](https://www.mqa.gov.my/new/document/2024/new/MQF%20(2024).pdf)
- Malaysian Qualification Agency. (2024). *Malaysian qualification framework (MQF): 2nd edition (2024)*. Malaysian Qualification Agency. [https://www.mqa.gov.my/new/document/2024/new/MQF%20\(2024\).pdf](https://www.mqa.gov.my/new/document/2024/new/MQF%20(2024).pdf)
- Mutebi, R., & Kiplagat, H. (2022). TVET Response to Global Challenges of Sustainable Development. *African Journal of Education, Science and Technology*, 7(1), 447-456.

- Oeben, M., & Klumpp, M. (2021). Transfer of the German vocational education and training system—Success factors and hindrances with the example of Tunisia. *Education Sciences*, 11(5), 247. <https://doi.org/10.3390/educsci11050247>
- Raudasoja, A., Rinne, S., & Heino, S. (2024). A holistic student-centred guidance framework supports Finnish vocational education and training students in building competence identity. *Nordic Journal of Vocational Education and Training*, 14(1), 53-78. <https://doi.org/10.3384/njvet.2242-458X.2414153>
- Vijay, H. M., Katwe, S., & Iyer, N. (2024). Designing and delivering curriculum with early industry exposure integration: A model. *Journal of Engineering Education Transformations*, 38(Special Issue). <https://doi.org/10.16920/jeet/2024/v38is1/24204>
- Woyessa, Y. T., & Arko-Achemfuor, A. (2021). TVET curriculum mapping and its responsiveness to the labour market demand: The case of the building construction fields in Ethiopia. *International Journal of Vocational Education and Training Research*, 7(2), 41-49. <https://doi.org/10.11648/j.ijvetr.20210702.11>